

Rujukan:UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh : 9 April 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 10/2026

SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR) BERIKUTAN KONFLIK ASIA BARAT**

Dengan hormatnya saya merujuk Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 2 April 2026 berkenaan pelaksanaan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) berikutan Konflik Asia Barat.

2. Sehubungan dengan itu, berikutan konflik yang berlaku di Asia Barat, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 6/2026 pada 7 April 2026 telah bersetuju untuk melaksanakan BDR secara berperingkat sebagai langkah strategik dalam memperkukuh kesiapsiagaan mendepani krisis tenaga global selaras dengan arahan Kerajaan. Oleh yang demikian, semua staf adalah dibenarkan untuk BDR serta menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bermula pada **15 April 2026** tertakluk kepada kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab dan syarat khas yang telah ditetapkan seperti berikut:

Staf hendaklah memenuhi dua (2) syarat berikut:

- a. Staf yang berkhidmat di Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur.
  - b. Jarak perjalanan sehalu dari pejabat ke rumah melebihi lapan (8) kilometer.
3. Walau bagaimanapun, staf di Hospital Pengajar adalah tertakluk untuk hadir bertugas seperti biasa selaras dengan keperluan perkhidmatan kritikal (Essential Services).
4. Semua staf yang terlibat adalah diminta untuk merancang tugas masing-masing dengan sewajarnya dan memastikan capaian terhadap sistem serta dokumen yang diperlukan sepanjang tempoh BDR. Bersama-sama ini, dilampirkan infografik dan soalan lazim sebagai rujukan. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi:

BIL.	NAMA/JAWATAN	NO. TELEFON	ALAMAT E-MEL
<b>KAMPUS BANGI</b>			
1.	Encik Mohd Azmi Kasim Ketua Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar	03-8921 5075	kbpk@ukm.edu.my

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar


BIL.	NAMA/JAWATAN	NO. TELEFON	ALAMAT E-MEL
2.	Encik Mohamad Akmal Syahir Mohamad Zabidi Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran & Kemudahan (Kampus KL) Jabatan Pendaftar	03-9289 7269	akmalsyahir@ukm.edu.my
<b>HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUKHRIZ</b>			
1.	Puan Nazwin Azmira Nafikudin Ketua Penolong Pendaftar Jabatan Sumber Manusia Hopital Canselor Tuanku Mukhriz	03-9145 5188	nazwin@hctm.ukm.edu.my
<b>HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM</b>			
1.	Puan Nur 'Izzati Shamsuri Penolong Pendaftar Jabatan Sumber Manusia Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM	03-9174 8662	nurizzatishamsuri@ukm.edu.my

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

*"ILMU, MUTU DAN BUDI"*

Yang benar,



**HAJI ZAINUDIN MOHD DAUD**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
  - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
  - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-2-



**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)